

PM kesal projek sisa nuklear jadi isu

BH 3 SEP 1984

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal projek sisa buangan nuklear di Papan, Perak dijadikan isu kontroversial oleh pihak-pihak tertentu kerana kepentingan lain.

Perdana Menteri berkata, pihak-pihak itu memularbeikan isu Papan bukan kerana hendak menjaga kepentingan penduduk Papan, begitulah juga lain-lain isu yang mencambungkan kepentingan orang lain.

"Orang ini sudah menjadikan diri mereka sebagai pembangkang profesional terhadap apa yang dibuat oleh kerajaan untuk menunjukkan bahawa kerajaan ini tidak peka terhadap perasaan rakyat," katanya ketika dilancarkan dalam rancangan *Eh-wal Semasa* RTM malam ini.

Beliau ditanyai oleh seorang ahli panel mengapakah kerajaan peka kepada reaksi rakyat terhadap projek ini, tetapi beliau menjawab, "Kerana ada orang lain datang

untuk menjadikan isu, ia menjadi isu. Itu sahaja," ujar beliau.

Beliau menjelaskan, kerajaan sedang mendapatkan maklumat daripada pakar-pakar terkenal di dunia, sama ada persediaan yang dibuat mencukupi untuk melindungi penduduk Papan daripada bahaya pancaran sinar nuklear.

Kalanya, oleh kerana pancaran sinar itu ada, tugas kerajaan ialah membendung pancaran itu. "Itulah sebabnya kita mengadakan pembinaan seperti simen dan menggunakan bahan-bahan yang boleh melindungi rakyat daripada pancarannya."

Lindung

Tetapi, beliau kesal ada pihak yang mengatakan bahawa mereka tidak puas hati dengan langkah perlindungan itu.

"Kalau tidak puas hati, kita akan siasal supaya kita dapat melipatgandakan cara-cara melindungi itu. Itu sahaja yang kita boleh buat. Kita tidak boleh kata kerana radiation itu bahaya, maka kita mesli hentikan segala kegiatan yang boleh membawa kepada radiation," ujarnya.

"Kerana ada orang lain datang

untuk menjadikan isu, ia menjadi isu. Itu sahaja," ujar beliau.

Beliau menjelaskan, kerajaan sedang mendapatkan maklumat daripada pakar-pakar terkenal di dunia, sama ada persediaan yang dibuat mencukupi untuk melindungi penduduk Papan daripada bahaya pancaran sinar nuklear.

Kalanya, oleh kerana pancaran sinar itu ada, tugas kerajaan ialah membendung pancaran itu. "Itulah sebabnya kita mengadakan pembinaan seperti simen dan menggunakan bahan-bahan yang boleh melindungi rakyat daripada pancarannya."

Tetapi, beliau kesal ada pihak yang mengatakan bahawa mereka tidak puas hati dengan langkah perlindungan itu.

"Kalau tidak puas hati, kita akan siasal supaya kita dapat melipatgandakan cara-cara melindungi itu. Itu sahaja yang kita boleh buat. Kita tidak boleh kata kerana radiation itu bahaya, maka kita mesli hentikan segala kegiatan yang boleh membawa kepada radiation," ujarnya.